



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 452/99

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PENGURUSAN HALON) 1999

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

28 Oktober 1999

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Januari 2000

SUSUNAN PERATURAN

[Mukadimah](#)

- Peraturan 1. [Nama dan permulaan kuat kuasa](#)
- Peraturan 2. [Tafsiran](#)
- Peraturan 3. [Pemakaian](#)
- Peraturan 4. [Larangan ke atas penggunaan alat pemadam api Halon mudah alih](#)
- Peraturan 5. [Tugas memberitahu Ketua Pengarah tentang Halon](#)
- Peraturan 6. [Syarat bagi penggunaan alat pemadam api Halon mudah alih](#)
- Peraturan 7. [Larangan ke atas pemasangan sistem pemadam api Halon tetap](#)
- Peraturan 8. [Kelulusan Ketua Pengarah bagi menggunakan Halon untuk ujian](#)
- Peraturan 9. [Lesen untuk mengecualikan](#)
- Peraturan 10. [Bayaran pemprosesan](#)
- Peraturan 11. [Bayaran pembaharuan](#)
- Peraturan 12. [Larangan ke atas pelepasan Halon](#)
- Peraturan 13. [Pemberitahuan pelepasan](#)
- Peraturan 14. [Sistem pemadam api Halon tetap yang sedia ada hendaklah diserahkan balik](#)
- Peraturan 15. [Pemuliharaan Halon](#)
- Peraturan 16. [Larangan membawa Halon keluar dari Malaysia](#)

Peraturan 17. [Alternatif kepada Halon](#)

[JADUAL 1](#)

[JADUAL 2](#)

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Peraturan 1. Nama dan permulaan kuat kuasa

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

Peraturan 2. Tafsiran

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"alat pemadam api Halon mudah alih" ertinya pemadam api mengandungi Halon yang boleh dibawa atau dialih;

"diservis" ertinya dibaiki, disenggarakan atau diselaraskan;

"Halon" ertinya apa-apa benda yang membahayakan alam sekeliling yang disenaraikan dalam Jadual 1, sama ada wujud bersendirian atau sebagai suatu campuran;

"Halon yang dikitar semula" ertinya apa-apa Halon yang telah diperdapatkan daripada suatu unit untuk diguna semula selepas dituliskan melalui kilang di tapak bina atau kilang bukan untuk pengeluaran;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling yang disebut dalam seksyen 3 Akta atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta;

"kriteria kelulusan" ertinya kriteria mengenai keupayaan suatu bahan untuk memadam api, atau potensinya menipiskan ozon atau potensinya memanaskan dunia dan apa-apa ciri-ciri fizikal dan kimia lain yang mustahak untuk cadangan penggunaannya:

"sistem pemadam api Halon tetap" ertinya sesuatu pemasangan sistem pemadam api tetap yang mengandungi bekalan Halon diatur untuk dilepaskan ke dalam suatu kepungan;

"pemuliharaan" ertinya mendapatkan kembali Halon daripada suatu unit bagi penggunaan semula, pengitaran semula, pemprosesan semula atau pelupusan;

"pemusnahan" ertinya proses di mana, bila digunakan kepada Halon, mengakibatkan perubahan kekal, atau penguraian semua atau sebahagian signifikan Halon.

Peraturan 3. Pemakaian

Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi-

(a) seseorang penghuni mana-mana premis yang dipasangkan dengan; dan

(b) seseorang yang mempunyai kawalan ke atas,

mana-mana sistem perlindungan kebakaran yang menggunakan apa-apa Halon.

Peraturan 4. Larangan ke atas penggunaan alat pemadam api Halon mudah alih

Penggunaan apa-apa alat pemadam api Halon mudah alih yang baru adalah dilarang.

Peraturan 5. Tugas memberitahu Ketua Pengarah tentang Halon

Seseorang pemunya atau seseorang yang mempunyai kawalan ke atas Halon hendaklah memberitahu Ketua Pengarah tentang apa-apa Halon dalam pemilikannya.

Peraturan 6. Syarat bagi penggunaan alat pemadam api Halon mudah alih

Pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, seseorang pemunya atau seseorang yang mempunyai kawalan ke atas alat pemadam api Halon mudah alih, yang menghendaki

isian semula dan/atau ujian hidrostatik, hendaklah memastikan bahawa ianya dinyahtauliah dan disimpan sementara menanti pemusnahan, melainkan jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa penggunaan alat pemadam api Halon mudah alih itu mematuhi peraturan 9.

Peraturan 7. Larangan ke atas pemasangan sistem pemadam api Halon tetap

Pemasangan apa-apa sistem pemadam api Halon tetap yang baru adalah dilarang.

Peraturan 8. Kelulusan Ketua Pengarah bagi menggunakan Halon untuk ujian

(1) Pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, seseorang pemunya atau seseorang yang mempunyai kawalan ke atas sistem pemadam api Halon tetap tidak boleh membuat apa-apa ujian, kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh-

- (a) mengenakan syarat-syarat ke atas sesuatu kelulusan sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (b) membatalkan atau mengubah mana-mana syarat yang dikenakan ke atas sesuatu kelulusan; atau
- (c) membatalkan kelulusannya jika pemunya atau orang yang mempunyai kawalan ke atas sistem pemadam api Halon tetap gagal untuk mematuhi mana-mana syarat kelulusan itu.

Peraturan 9. Lesen untuk mengecualikan

Walau apa pun peraturan 4, 6 dan 7, Ketua Pengarah boleh memberikan suatu lesen untuk mengecualikan mana-mana orang daripada apa-apa peruntukan Peraturan-Peraturan ini jika dia berpuas hati bahawa penggunaan atau pemasangan alat pemadam api Halon mudah alih atau sistem pemadam api Halon tetap, mengikut mana-mana yang berkenaan, memenuhi kriteria penggunaan yang perlu dalam Jadual 2.

Peraturan 10. Bayaran pemprosesan

Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah peraturan 9 hendaklah disertai dengan bayaran pemprosesan sebanyak 1,000.00 ringgit yang tidak akan dibayarkan balik.

Peraturan 11. Bayaran pembaharuan

Pembaharuan sesuatu lesen yang diberikan di bawah peraturan 9 hendaklah tertakluk kepada suatu bayaran pembaharuan sebanyak 2,000.00 ringgit.

Peraturan 12. Larangan ke atas pelepasan Halon

Seseorang pemunya atau seseorang yang mempunyai kawalan ke atas sistem pemadam api Halon tetap yang sedia ada hendaklah memastikan bahawa Halon tidak boleh dilepaskan dalam apa-apa ujian atau dalam apa-apa hal keadaan melainkan jika tujuannya adalah untuk mencegah kebakaran.

Peraturan 13. Pemberitahuan pelepasan

Walau apa pun peraturan 12, selepas pelepasan apa-apa Halon dari sistem pemadam api Halon tetap, seseorang penduduk mana-mana premis, yang dipasangkan dengan sistem pemadam api Halon tetap itu, hendaklah dengan segera memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai pelepasan itu.

Peraturan 14. Sistem pemadam api Halon tetap yang sedia ada hendaklah diserahkan balik

Seseorang pemunya atau seseorang yang mempunyai kawalan ke atas sistem pemadam api Halon tetap hendaklah menyerahkan balik apa-apa Halon dalam sistem pemadam api dalam masa 60 hari selepas pemunya atau orang yang mempunyai kawalan ke atas sistem pemadam api itu telah selesai menghapuskan penggunaan sistem pemadam api Halon di premisnya.

Peraturan 15. Pemuliharaan Halon

Seseorang pemunya atau seseorang yang mempunyai kawalan ke atas sistem pemadam api Halon tetap atau alat pemadam api Halon mudah alih yang sedia ada hendaklah memastikan bahawa apabila sistem atau alat pemadam api itu sedang diservis atau dinyahtauliah apa-apa Halon yang tidak dilepaskan adalah dipulihguna.

Peraturan 16. Larangan membawa Halon keluar dari Malaysia

(1) Tiada seseorang boleh membawa mana-mana Halon yang dikitar semula keluar dari Malaysia selepas tarikh mula berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah tidak boleh membenarkan Halon yang telah dikitar semula dibawa keluar dari Malaysia melainkan jika dia berpuashati bahawa Halon itu dimaksudkan bagi pemusnahan atau pemuliharaan di bawah suatu proses yang tidak terdapat di Malaysia dan selepas pemusnahan atau pemulihgunaannya, Halon atau apa-apa produk paduan yang lain akan dibawa balik ke Malaysia. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah boleh mengenakan syarat tambahan lain yang difikirkan patut.

Peraturan 17. Alternatif kepada Halon

(1) Ketua Pengarah boleh meluluskan alternatif kepada Halon jika dia berpuas hati bahawa alternatif itu memenuhi kehendak kriteria kelulusan.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyebabkan diterbitkan dari semasa ke semasa suatu senarai alternatif yang diluluskan kepada Halon.

JADUAL 1

(Peraturan 2)

SENARAI HALON

<i>Benda</i>	<i>Formula Kimia</i>	<i>Nama Biasa</i>
Bromoklorodifluorometana	CF ₂ BRCI	Halon 1211
Bromotrifluorometana	CF ₃ Br	Halon 1301
Dibromotetrafluoroetana	C ₂ F ₄ Br ₂	Halon 2402

JADUAL 2

(Peraturan 9)

KRITERIA PENGGUNAAN YANG PERLU UNTUK MENGGUNAKAN APA-APA ALAT PEMADAM API HALON MUDAH ALIH ATAU SISTEM PEMADAM API HALON TETAP

Penggunaan yang perlu adalah jika-

(a) terdapatnya keadaan merbahaya, yang pasti melanda, atau selainnya kepada nyawa manusia, sama ada-

(i) dalam sesuatu pemasangan jika penghunian manusia adalah kritikal dan pemindahan penduduk adalah tidak mungkin; atau

(ii) jika operasi pemasangan yang berterusan adalah perlu untuk melindungi nyawa manusia, dan kaedah alternatif yang boleh diterima untuk perlindungan kebakaran tidak wujud;

(b) dalam sesuatu pemasangan kritikal kepada masyarakat, kerugian disebabkan oleh kebakaran apa-apa kelengkapan atau pengendalian apa-apa kelengkapan atau perkhidmatan daripada

pengendalian kelengkapan boleh membawa akibat yang meluas, dan kaedah alternatif yang boleh diterima untuk perlindungan kebakaran tidak wujud; atau

(c) dalam apa-apa keadaan, keengganan menggunakan, pada pendapat Ketua Pengarah, setelah mengambil kira semua hal keadaan, adalah tidak boleh dipraktikkan sewajarnya atau berlawanan dengan tujuan dan semangat Akta.

Dibuat 2 Jun 1999.

[KSTAS (U) 901/B/27; PN(PU²)280/9]

DATUK LAW HIENG DING
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Copyrights Reserved □

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD